

Qalam

KDN 3036

Rabi' al-Akhir 1388

Julai 1968

Bilangan 213

60 sen

Mawlid – Fikirlah Baik-baik

Sebagaimana biasanya, *al-hamduli'Lāh*, di mana-mana tempat di tanah air kita ini, apabila tiba sahaja bulan Rabi' al-Awwal, maka di merata tempat di bulan yang mulia itu, disambut dengan berbagai-bagai sambutan dan perayaan, kerana pada bulan itu adalah bulan diputrakan Junjungan kita Nabi Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, penyudah segala nabi-nabi yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

Berbagai-bagai cara dibuat menyambut hari diputerakan baginda Rasulullah itu. Di kampung-kampung disambut dengan membaca berzanji dan seumpamanya. Di sana sini dipanggil ahli-ahli pensyarah untuk mengadakan syarahan-syarahan agama memperingati sejarah dan perjuangan baginda Rasulullah – dalam masa-masa yang akhir ini umat Islam di negeri-negeri mengadakan perarakan-perarakan beramai-ramai serta perhimpunan ramai sambil mendengar ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin agama dan pembesar-pembesar negara kerana memuliakan hari keputeraan Junjungan yang mulia itu.

Semuanya dilakukan mereka, adalah kerana menunjukkan kesayangan mereka kepada pembawa rahmat kepada seluruh alam. Harta mereka berikan, majlis-majlis jamuan mereka adakan dengan

sukacita serta ikhlas mereka untuk membesarkan syiar hari yang mulia itu. Sempena-sempeña yang baik diambil di dalam masa itu yaitu dengan memungut kutipan-kutipan derma untuk orang miskin dan untuk biasiswa – semuanya itu dipandang bermanfaat.

Di dalam semuanya ini, di dalam hidup umat Muslimin yang cinta kepada Rasulnya yang mulia itu nampak kelihatan keadaannya, dengan tidak dapat dinafikan, kedudukan makin sehari makin jauh “terkebelakang” – Islam yang dianut oleh pemeluk-pemeluknya makin hari makin muram terutamanya di dalam masyarakat pemuda-pemudanya di dalam bandar-bandar. Ini dapat dibuktikan bagaimana masjid-masjidnya kosong daripada berjemaah di dalam sembahyang-sembahyang waktu dan seumpamanya.

Hidup mengutamakan kebendaan telah mempengaruhi hati umat Islam sehingga keyakinan kepada Allah tidak melekat lagi di dalam jiwa manusia. Harta benda seolah-olah yang berkuasa Mutlak – tidak lagi Tuhan yang berkuasa. Sebab itu, larilah manusia daripada berdiri dan memperkatakan yang haq dan benar. Ayat-ayat Allah dijual dengan murah asalkan sahaja kebendaan memberi manfaat kepada hidup seseorang.

Apabila ada sesuatu yang dirundingkan dan rundingan itu bertentangan dengan ajaran Islam – orang-orang yang berpengetahuan agama, walaupun mereka mengetahui akan kebatilan yang dihadapinya, mereka hanya berdiam sahaja dan tatkala ditanya, ia menyatakan- apa boleh buat

saya orang berjawatan – terpaksa mengikut-ngikut kalau tidak tuan maklumlah!

Dengan hal yang demikian hancurlah agama kerana tidak ada lagi golongan-golongan yang berani mengatakan yang hak dan benar sebagai pengikut Muhammad yang sifat-sifatnya tegas menghadapi segala kekufuran dan segala khurafat, sehingga mereka memejamkan mata dan membisu dengan seribu bahasa melihat pemimpin-pemimpin mereka “tunduk” di hadapan berhala atau menyusun jari di hadapan berhala kerana meraikan agama-agama lain.

Di dalam memperkatakan hak-hak persaudaraan dan hak-hak Islam tidak pula ada orang-orang yang membela perbuatan-perbuatan ketakutan kerana berkata-kata atau memperkatakan hak-hak kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya yang benar itu, ditakuti akan dituduh bersubahat” dengan suatu benda yang kebetulan ada persamaannya dengan ajaran Islam dan perikatan persaudaraan Islam. Yang demikian dibuat mereka adalah kerana takut kepada “kebendaan” yaitu takut periuk nasinya masuk pasir sehingga hak Allah dikebelakangkan.

Dengan sifat-sifat yang demikian ini tidaklah salah sifat-sifat yang diunjukkan oleh salah seorang penyair Arab bahawa “Apabila seorang ulama berdiri di ambang pintu istana alamat ulama itu pencuri”.

Demikian keadaan yang demikian ini bolehkah kita berharap bahawa dengan hanya kita menunjukkan rasa gembira, cinta dan kasih kepada Junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang kita rayakan setiap tahun itu kita sebenar-benarnya telah mengikut dan cinta kepadanya? Fikirlah baik-baik.